

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN EMPATBELAS DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN RAMLI BIN MOHD NOR (CAMERON
HIGHLANDS)**

SOALAN

TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR [CAMERON HIGHLANDS] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah tangkapan/penguatkuasaan Jabatan Imigresen terhadap pendatang tanpa izin di kawasan Lojing, Gua Musang kerana isu tersebut dilihat telah menjadi semakin membimbangkan akibat pembukaan tanah kebun yang semakin berleluasa. Hal ini juga turut memberi kesan sosial kepada masyarakat Orang Asli setempat di mana kes perkahwinan dengan warga asing menjadi semakin meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sentiasa memberi perhatian terhadap isu-isu berkaitan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di seluruh negara termasuk di kawasan Lojing, Gua Musang. Sepanjang tahun 2016 sehingga 25 September 2019, JIM telah menjalankan sebanyak 186 operasi di Lojing. Daripada operasi tersebut seramai 2,956 warga asing telah diperiksa dan seramai 631 orang PATI dan 3 orang majikan telah ditangkap di bawah pelbagai kesalahan imigresen.